

MUKHTALIF AL-HADITH: SEJARAH KEMUNCULANNYA DAN KESANNYA TERHADAP HUKUM FIQH

THE HISTORY OF MUKHTALIF AL-HADITH AND ITS EFFECT ON FIQH LAW

Mohd Nazri Ahmad

*Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
m_nazri@ukm.edu.my*

ABSTRACT

Mohd Mukhtalif al-Hadith knowledge has existed in a practical form done by the sahabah and recognised by the Prophet SAW from the time of the Prophet SAW. Muslims must be aware of this information in order to properly apply a hadith. Mukhtalif al-Hadith has a direct influence on fiqh law, resulting in a variety of laws. Every Sunnah of the Prophet SAW must be followed without exception by Muslims. When there are differences between hadiths, however, a tiny percentage of mujtahids are more likely to practise one of them while dismissing the other as mansukh. Every Muslim is obligated to weigh all of the mujtahid's viewpoints on Mukhtalif al-Hadith in order to avoid being swayed by an opinion that advocates for the implementation of only one hadith while disregarding the contradicting hadith. This can have an impact on a Muslim's faith in the Prophet SAW. This research was carried out by gathering information from the books of hadith on hadiths that contradicted each other and analysing it. According to the findings of the study, these externally contradicting hadiths have an impact on fiqh law, and mujtahids strive to combine the Mukhtalif al-Hadith so that it can be implemented as a whole.

Keywords: *Mukhtalif al-Hadith, hadith, fiqh law.*

ABSTRAK

Ilmu *Mukhtalif al-Hadith* telah muncul sejak zaman Rasulullah SAW dalam bentuk praktikal yang dilakukan oleh para sahabat dan diakui oleh Baginda SAW. Pengetahuan tentang ilmu ini merupakan satu keperluan bagi umat Islam supaya sesuatu hadith itu tidak diabaikan pengamalannya. *Mukhtalif al-Hadith* memberi kesan secara langsung terhadap hukum fiqh yang membawa kepada hukum yang berbeza. Umat Islam dituntut supaya mengamalkan setiap Sunnah Rasulullah SAW tanpa mengabaikannya. Namun apabila terdapat percanggahan antara hadith, sebahagian kecil mujtahid lebih cenderung untuk mengamalkan salah satu daripadanya sementara yang satu lagi diabaikan dan dianggap sebagai mansukh. Setiap individu muslim wajib menilai segala pendapat mujtahid dalam masalah *Mukhtalif al-Hadith* ini supaya tidak terjebak dengan pendapat yang mengajak supaya mengamalkan satu hadith sahaja sementara diabaikan hadith yang bercanggah. Hal ini boleh menjelaskan akidah seseorang muslim terhadap keimanan mereka kepada Rasul SAW. Kajian ini dilakukan dengan mengumpulkan data-data berkaitan hadith-hadith yang bertentangan daripada kitab-kitab hadith lalu dibuat analisis. Hasil kajian mendapati hadith-hadith yang bertentangan secara zahir ini memberi kesan terhadap hukum-hukum fiqh dan para mujtahid berusaha sedaya upaya menyatukan antara *Mukhtalif al-Hadith* supaya dapat diamalkan keseluruhannya.

Kata kunci: *Mukhtalif al-Hadith, hadith, hukum fiqh.*

PENGENALAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِي اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَّهُ، وَمَنْ يَضْلِلَ اللَّهُ إِلَّا هُوَ أَنْشَأَهُ لِذَلِكَ لِشَرِيكٍ لَّهُ، وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
فَصَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ:
أَمَّا بَعْدُ،

Sunnah Nabi s.a.w terhindar dari sebarang kecacatan dan kekurangan. Ia juga tidak terpalit dengan pertembungan dan kecelaruan. Ia merupakan wahyu Allah SWT yang diturunkan kepada Rasulullah SAW Baginda dianugerahkan oleh Allah S.W.T dengan kepintaran luar biasa yang tidak terdapat pada manusia lain. Baginda SAW bukan sekadar mempunyai kepetahan dalam berpidato, bahkan kenyataan yang keluar daripada mulut Baginda SAW adalah relevan dengan suasana dan keadaan. Kenyataan Baginda SAW amat jauh daripada pengaruh emosi yang kebiasaannya menguasai manusia lain. Panduan wahyu daripada Allah SWT telah menjadikan setiap perkataan dan perbuatan Baginda SAW sebagai sumber hukum yang wajib dipatuhi dan ditaati. Firman Allah:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهُوَ إِلَّا وَحْدَهُ يُؤْلِحُ

*Maksudnya: dan tidaklah yang diucapkannya itu (Al-Qur'an) menurut keinginannya.
Tidak lain (Al-Qur'an itu) adalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)*

(Al-Qur'an: Al-Najm: 53: 3&4)

Namun kadang kala terdapat percanggahan antara kenyataan Baginda SAW menurut penilaian akal manusia. Persoalannya adakah wujud percanggahan tersebut dari sudut realitinya atau ia hanya sangkaan manusia. Bagi menjawab persoalan ini maka ulama-ulama Islam sejak dahulu hingga sekarang berusaha merungkaikan permasalahan ini dengan pelbagai kaedah dan tatacara. Hasil daripada perbahasan, perbincangan dan kajian, lahirlah karya-karya agong yang ditulis oleh ulama-ulama besar seperti al-Imam al-Syafici yang berjudul "Ikhtilaf al-Hadith". Kitab ini merupakan karya pertama yang membincangkan isu Mukhtalif al-Hadith. Selepas itu diikuti dengan "Ta'wil Mukhtalif al-Hadith" yang ditulis oleh Ibn Qutaybah al-Dinawariy. Kemudian muncul lagi karya yang lebih besar iaitu "Mushkil al-Athar" yang ditulis oleh Abu Ja'far al-Tahawiy. Tidak dapat disangkal lagi bahawa percanggahan yang berlaku antara hadith-hadith Nabi s.a.w telah memberi kesan langsung terhadap hukum fiqh. Bahkan mencetuskan kepelbagai mazhab dalam Islam. Oleh itu, kajian ilmu Mukhtalif al-Hadith ini bukan hanya melibatkan ulama-ulama Hadith, bahkan menjangkau kepakaran ulama-ulama dalam bidang Usul al-Fiqh. Perselisihan dan perbezaan pendapat di kalangan mujtahid tidak dapat dielakan lantaran kewujudan Mukhtalif al-Hadith ini. Adalah menjadi kewajipan bagi setiap muslim yang mukallaf untuk mengamalkan setiap hadith Rasulullah SAW Namun apabila terdapat percanggahan antara hadith Rasulullah SAW, keputusan yang amat sukar untuk dilakukan bagi memilih manakah hadith yang perlu diamalkan. Jika diamalkan hadith A, bererti menolak hadith B, begitulah sebaliknya. Menolak sesuatu hadith Rasulullah SAW adalah satu dosa besar yang boleh membawa kepada gugurnya akidah seseorang. Oleh itu, setiap muslim adalah wajib menilai setiap pendapat mazhab terhadap hadith-hadith yang bertentangan dan mengamalkan pendapat yang terkuat. Tidak ada hak bagi mana-mana pihak untuk menghalang mana-mana individu muslim untuk mempelajari pendapat-pendapat mazhab dalam Islam. Bahkan menilai setiap pendapat mazhab adalah wajib ketika berhadapan dengan hadith-hadith yang bertentangan ini.

Definisi Mukhtalif al-Hadith

Dari segi Bahasa:

Al-Mukhtalif dari sudut bahasa berasal daripada kata dasarnya “*al-Ikhtilaf*” yang lawan bagi perkataan muafakat. Contohnya ”*تَخَالَفَ الْقَوْمُ وَاتَّخَلَفُوا*” yang bermaksud “Kaum itu berselisih” apabila setiap seorang daripada mereka mempunyai pendapat yang berbeza antara satu sama lain. (Al-Fairūz Ābādiy: 3: 143)

Antara contohnya firman Allah:

مُخْتَلِفًا أُكْلَهُ

Maksudnya: Tidak serupa rasanya

(Al-Qur'an: al-An'am: 6: 141)

Maksudnya berbeza apa yang terhasil daripadanya daripada jenis-jenis buah-buahan dan biji-bijian. (Al-Tabariy. 1405h/ 1984m. 12: 157)

Dari segi istilah:

Terdapat perbezaan dalam kalangan ulama dalam mendefinisikan “Mukhtalif al-Hadith”. Perbezaan ini berpunca daripada percanggahan mereka dalam menetapkan baris pada lafadz “*mukhtalif*”. Sebahagian *Muhaddithin* menetapkan bacaannya dengan *kasrah* huruf “*lam*” atas *wazan* “*ism fa'il*”, Berdasarkan bacaan ini, maksudnya ialah: Hadith yang bertentangan dengan hadith yang seumpamanya secara zahir. (Al-Asqalaniy: 1427h/ 2006m: 20-21)

Sebahagian ulama pula menetapkan bacaan dengan *fathah* huruf “*lam*” yang merupakan *masdar mimiy*. Bacaan begini membawa maksud: Hadith yang berlaku percanggahan padanya. Maka ungkapan “*Mukhtalaf al-Hadith*” membawa maksud “dua hadith yang berlawanan secara zahir dari sudut makna. (Al-Suyutiy. 2: 196)

Kedua-dua definisi di atas dikaitkan dengan perkataan “*zahir*” kerana percanggahan secara hakiki tidak akan berlaku terhadap hadith-hadith Nabi s.a.w.

Al-Qadi Abu Bakr al-Bāqilāniy berkata: Setiap dua perkhabaran yang sampai daripada Nabi s.a.w, tidak sama sekali berlaku percanggahan sekalipun zahirnya bercanggah. (Al-Khatib al-Baghdadiy. 1357: 606)

Sejarah kemunculan ilmu Mukhtalif al-Hadith

Ilmu ini muncul sejak zaman Nabi s.a.w serta mendapat pengiktirafan Baginda SAW. Para Sahabat berterusan mempraktikkannya selepas kewafatan Baginda SAW. Seterusnya diikuti oleh para Tabi'in. Namun ketika itu ilmu ini belum dibukukan secara sistematik kecuali ketika zaman Imam al-Syafi'i. Berikut ini adalah contoh-contoh praktikal ilmu *Mukhtalif al-Hadith* di zaman Rasulullah SAW, Sahabat dan Tabi'in.

Pertama: Di zaman Rasulullah SAW:

Dua hadith yang dianggap bertentangan dalam minda para sahabat iaitu:

لَا يَصِلِّيَنَّ أَحَدُكُمُ الْعَصْرَ إِلَّا فِي بَنِي قُرَيْظَةٍ

Maksudnya: Janganlah sesiapa diantara kamu menunaikan sembahyang asar kecuali setelah sampai di perkampungan Bani Quraizah.

(Al-Bukhariy: 1407h/ 1989m: 7: 471)

Hadith ini bertentangan dengan hadith Baginda:

قال رسول الله ﷺ: أحب الأعمال إلى الله الصلاة لوقتها

Maksudnya: Rasulullah SAW bersabda: Amalan yang dikasihi oleh Allah ialah sembahyang di awal waktu.

(Al-Bukhariy: 1407H/ 1989M: 2: 12, Muslim: 1421H/ 2000M: 2: 436)

Sahabat berselisih pendapat bagi menolak percanggahan antara dua hadith ini. Kumpulan pertama mentarjihkan hadith arahan bersembahyang asar di perkampungan Bani Quraizah. Mereka berpendapat bahawa hadith ini mengkhususkan hadith yang memerintahkan supaya ditunaikan sembahyang tepat pada waktunya.

Kumpulan kedua pula mentarjihkan hadith yang memerintahkan sembahyang di awal waktu dan mereka mengaitkan perintah bersembahyang di perkampungan Bani Quraizah itu jika masih berbaki waktu dan tidak boleh sama sekali dibiarkan ia berlalu hingga luput waktu. Maksud arahan supaya menunaikannya di perkampungan Bani Quraizah ialah supaya para sahabat mempercepatkan perjalanan mereka. (‘Abd al-Majid Susut. 1418H/ 1997M. 23)

Apabila diberitahu kepada Nabi SAW tentang ijтиhad kedua-dua kumpulan tersebut, Baginda tidak membantahnya. Ini dapat dilihat dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

أن النبي ﷺ قال: لا يصلين أحدكم العصر إلا في بي قريظة، فأدرك بعضهم العصر في الطريق، فقال بعضهم:

لا نصلي حتى تأتيم و قال بعضهم: بل نصلي، لم يرد منا ذلك، فذكر ذلك للنبي ﷺ فلم يعنف واحدا منهم.

Maksudnya: Bahawa Nabi SAW bersabda: Janganlah sesiapa diantara kamu bersembahyang kecuali setelah sampai di perkampungan Bani Quraizah. Sebahagian mereka mendapati waktu asar ketika dalam perjalanan. sebahagian dari mereka berkata: Kami tak akan tunaikan sembahyang sehingga kami sampai ke perkampungan mereka, sebahagian lagi berkata: Kami tetap akan sembahyang kerana Baginda tidak bermaksud sebegitu. Mereka menceritakan apa yang berlaku antara mereka kepada Nabi s.a.w dan Baginda tidak sedikit pun membantah.

(Al-Bukhariy: 1407H/ 1989M: 7: 471)

Kedua: Selepas kewafatan Rasulullah SAW

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, para sahabat berijtihad untuk mentarjihkan antara hadith-hadith bertentangan. Ini dapat dilihat ketika mereka mentarjihkan hadith ‘Aishah terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan hukum hubungan antara suami dan isteri.

Diriwayatkan daripada ‘Aishah r.a bahawa Nabi s.a.w bersabda:

إذا قعد بين شعبها الأربع ثم مس الختان فلما جب الغسل

Maksudnya: Apabila ia (suami) berada antara empat cabang (dua tangan dan dua paha) isterinya lalu bertemu antara dua tempat khitan maka wajib mandi.

(Muslim. 1421H/ 2000M. 4: 281)

Hadith ini bertentangan dengan hadith Abu Sa‘id al-Khudriy r.a iaitu:

قال رسول الله ﷺ: إنما الماء من الماء

Maksudnya: Rasulullah SAW bersabda: Hanya sanya mandi itu disebabkan oleh keluar mani.

(Muslim. 1421H/ 2000M. 4: 276)

Hadith ‘Aishah RA menunjukkan wajib mandi apabila berlaku jima’ sekalipun tidak keluar mani manakala hadith Abi Sa‘id menunjukkan bahawa wajib mandi sekiranya keluar mani. Lalu para sahabat menolak pertentangan zahir dua hadith ini dengan cara mentarjihkan hadith ‘Aishah kerana beliau RA lebih mengetahui hal ini daripada sahabat-sahabat lain. (‘Abd al-Majid Susut. 1418H/ 1997M. 24)

Contohnya lagi hadith yang diriwayatkan oleh ‘Aishah dan Umm Salamah RA bahawa Nabi SAW:

كان يصبح جنباً من جماع غير إحتلام ثم يصوم في رمضان

Maksudnya: Adalah Rasulullah SAW berjanabah pada waktu pagi kerana jima’ yang bukan bermimpi kemudian Baginda berpuasa Ramadan.

(Al-Bukhari. 1407H/ 1989M. 4: 169)

Hadith ini bertentangan dengan hadith Abu Hurairah r.a:

أن رسول الله ﷺ قال: من أدركه الفجر جنباً فلا يص

Maksudnya: Sesiapa yang mendapatkan fajar dalam keadaan berjanabah, maka ia jangan puasa.

(Muslim. 1421h/ 2000m. 7: 228)

Bagi menolak percanggahan antara dua hadith ini, para Sahabat mentarjihkan hadith ‘Aishah dan Umm Salamah kerana mereka berdua lebih memahami masalah ini kerana urusan hubungan antara suami isteri sudah tentu tidak dapat diketahui oleh orang lain. Bahkan Abu Hurairah merujuk semula daripada riwayatnya dan memilih untuk memfatwakan dengan hadith ‘Aishah dan Umm Salamah. (‘Abd al-Majid Susut. 1418h/ 1997m: 25)

Ketiga: Zaman al-Tabi’in

Diriwayatkan bahawa Imam al-Auza‘iy bertemu Imam Abu Hanifah ketika di Makkah dan bertanya: Kenapa dengan kamu tidak mengangkat tangan ketika ruku’ dan i’tidal? Abu Hanifah menjawab: Tidak ada satu pun riwayat saih daripada Rasulullah SAW tentang perkara tersebut. Auza‘iy berkata: Kenapa pula tidak saih? Al-Zuhriy telah menceritakan kepada aku daripada Salim daripada bapanya daripada Rasulullah SAW bahawa Baginda mengangkat kedua-dua tangannya apabila memulakan sembahyang, ketika rukuk dan bangun daripadanya. (Al-Bukhari. 1407H/ 1989M. 2: 255)

Imam Abu Hanifah pula menjawab: Telah menceritakan kepada aku oleh Hammad daripada Ibrahim daripada ‘Alqamah dan al-Aswad daripada Ibn Mas‘ud bahawa Rasulullah SAW tidak mengangkat kedua-dua tangannya kecuali ketika permulaan sembahyang kemudian Baginda tidak akan mengulanginya lagi. (Lihat Abu Dawud. 1437h/ 2016m: 161: 751) Al- Auza‘iy berkata: Aku menceritakan kepada kamu daripada al-Zuhriy daripada Salim daripada ayahnya sedangkan kamu berkata: Menceritakan kepada aku Hammad daripada Ibrahim? Abu Hanifah menjawab: Hammad lebih faqih daripada al-Zuhriy, Ibrahim lebih faqih daripada Salim, dan ‘Alqamah pula bukanlah lebih rendah ilmunya daripada Ibn ‘Umar dari segi fiqh sekalipun beliau mempunyai kelebihan dari sudut persahabatan dengan Nabi SAW, dan al-Aswad pula mempunyai kelebihan yang banyak. ‘Abdullah adalah ‘Abdullah. Di sini jelas menunjukan Imam Abu Hanifah melakukan pentarjihan berdasarkan tahap kefaqihan perawi sedangkan al-Auza‘iy pula mengutamakan ketinggian sanad. (Ibn al-Hammam. 1424H/ 2003M. 1: 270)

Kepentingan Ilmu Mukhtalif al-Hadith

Pertama: Memahami hadith Nabi SAW dengan fahaman yang benar dan mengistinbatkan hukum daripadanya dengan cara yang sahih tertakluk kepada kadar kefahaman seseorang tentang *Mukhtalif al-Hadith*. Ilmu ini merupakan satu keperluan bagi para mujtahid. Sehubungan itu Imam al-Nawawiy menegaskan: Ilmu ini merupakan bahagian yang paling penting, kesemua peringkat ulama perlu memahaminya. (Al-Nawawiy. 1409H/ 1989M: 2: 196)

Kedua: Tumpuan yang telah diberikan oleh ulama-ulama Islam sejak dahulu hingga sekarang menunjukkan ilmu ini terlalu penting. Mereka telah melakukan kajian secara holistik terhadap hadith-hadith yang bertentangan ini sehingga menghasilkan karya-karya besar seperti “*Mushkil al-Āthār*” oleh al-Imam al-Ṭāḥāwī. Ibn Khuzaimah merupakan tokoh terbaik yang membincangkan bidang ini. Beliau berkata: Setahu aku tidak ada satu pun hadith-hadith daripada Rasulullah SAW yang diriwayatkan dengan sanad yang sahih itu bertentangan, sesiapa yang menyimpannya silalah persembahkan kepada aku supaya aku boleh menyusun antara keduanya. (Ibn al-Ṣalāḥ. 1401H/ 1981M: 285)

Ketiga: penelitian terhadap pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh ulama dalam menolak percanggahan antara hadith-hadith Nabi SAW ini akan meningkatkan kredibiliti seorang penuntut ilmu dalam berinteraksi dengan nas-nas syara’. Ia juga meningkatkan imun penghormatan terhadap wahyu kitab dan Sunnah dan sama sekali tidak akan mempertikaikannya. Hasilnya ia akan berusaha bersungguh-sungguh untuk untuk menyatukannya kerana ia tahu tidak akan wujud sama sekali percanggahan antara wahyu-wahyu Allah SWT.

Metod *Taufiq* dan *Tarjih* antara Hadith-hadith yang Bertentangan” dan kaitannya dengan ilmu *Usul al-Fiqh*

Kaedah *taufiq* dan *tarjih* terhadap hadith-hadith bertentangan memang telah diaplikasikan oleh para sahabat RA dan Tabi’in di zaman mereka sama seperti mereka aplikasikan ilmu usul al-fiqh. Cuma ilmu ini belum disusun dan dibukukan secara sistematik sehingga datang Imam al-Syafī‘ī. Beliau telah menyusun kedua-duanya iaitu ilmu *Usul al-Fiqh* di dalam kitab “*al-Risalah*” dan ilmu *Mukhtalif al-Hadith* di dalam kitab “*Ikhtilaf al-Hadith*”. Antara faktor yang mendorong Imam al-Syafī‘ī menyusun kitab “*Ikhtilaf al-Hadith*” apabila beliau melihat kesilapan masyarakat di zaman itu dalam berinteraksi dengan hadith-hadith yang bertentangan. Kebanyakan ulama di zaman itu akan terus menghukum nasakh terhadap hadith-hadith yang bertentangan walaupun pertentangan itu hanya dari satu sudut sahaja. (Al-Dahlawiy. 1426H/ 2005M: 280)

Ilmu *Mukhtalif al-Hadith* sememangnya mempunyai pertalian yang rapat dengan *Usul al-Fiqh* kerana metod *al-Ta‘arud wa al-Tarjih* antara hadith-hadith bertentangan merupakan sebahagian daripada topik penting dalam ilmu *Uṣul al-Fiqh*. Dari sudut hubungannya dengan *al-Qawa‘id al-Kulliyah*, ia merupakan salah satu cara untuk memahami pertunjuk nas. Oleh itu pentarjihan terhadap hadith-hadith yang bertentangan merupakan salah satu kaedah menghilangkan kesamaran terhadap nas dan hukum dapat diputuskan terhadap sesuatu masalah. Ia juga mempunyai kaitan dari sudut ijtihad kerana *taufiq* dan *tarjih* antara hadith-hadith bertentangan adalah satu ijtihad. Ijtihad secara umumnya terbahagi kepada dua; Pertama: ijtihad terhadap sesuatu masalah yang tidak ada nas lalu hukum diputuskan samada berdasarkan kaedah *al-Qiyas*, *al-Istihsān*, *al-Maṣalih al-Mursalah*, *al-Istiṣḥāb* atau kaedah-kaedah lain. Kedua: Ijtihad terhadap sesuatu masalah yang mempunyai dalil dan nas yang bertentangan, lalu hukum diputuskan berdasarkan kaedah *taufiq* dan *tarjih*. (Abd al-Majid Susut. 1418H/ 1997M: 30)

Contoh-contoh kesan *Mukhtalif al-Hadith* Terhadap Hukum Fiqh

Contoh Pertama:

Antara contoh kesan *Mukhtalif al-Hadith* terhadap hukum fiqh ialah masalah hukum wudu' bagi mereka yang menyentuh kemaluan. Nas-nas berkaitan hukum menyentuh kemaluan terbahagi dua; *Pertama*: Memberi maksud batal wudu' sebab menyentuh kemaluan iaitu:

عن بسرة بنت صفوان قالت: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من مس ذكره فليتوضاً

Maksudnya: Daripada Busrah binti Safwan, Nabi s.a.w bersabda: Sesiapa yang menyentuh kemaluannya hendaklah ia berwudu'.

(Al-Baihaqiy. 1344H. 1: 129. Al-Hakim. 1411H/ 1990M. 1: 231. Al-Tabraniy. 1415H. 2: 124. Abu Dawud. 1410H/ 1990M. 1: 211)

عن أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: من مس ذكره فعلية الوضوء

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah, bahawa Nabi s.a.w bersabda: Sesiapa yang menyentuh kemaluannya, maka diwajibkan berwudu'.

(Abu Dawud 1410H/ 1990M. 1: 130)

عن بسرة بنت صفوان قالت: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: من مس ذكره أو أثنيه أو رغفه

فليتوضاً

Maksudnya: Daripada Busrah binti Safwan berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang menyentuh zakar atau buah zakar atau anggota sekitar kemaluan, hendaklah ia berwudu'.

(Abu Dawud, 1410H/ 1990M. 1: 137)

عن بسرة بنت صفوان أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: من مس ذكره فلا يصل حتى يتوضأ

Maksudnya: Daripada Busrah binti Safwan, bahawa Nabi s.a.w bersabda: Sesiapa yang menyentuh kemaluannya, maka ia tidak boleh mendirikan sembahyang sehingga ia berwudu'.

(Al-Tirmidhi. 1410H/ 1990M. 1: 227. Al-Daraqutniy. 1386H/ 1966M. 1: 147)

عن بسرة بنت صفوان، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: إذا أفضى أحدكم بيده إلى فرجه فليتوضاً

Maksudnya: Daripada Busrah binti Safwan, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apabila seseorang daripada kamu menyentuh kemaluannya dengan tapak tangannya, hendaklah ia berwudu'.

(Al-Baihaqiy. 1344H. 1: 132)

عن أبي هريرة قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إذا أفضى أحدكم بيده إلى فرجه وليس دونها حجاب

فقد وجب عليه الوضوء

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah, beliau berkata: Nabi SAW bersabda: Apabila seseorang daripada kamu menyentuh kemaluannya dengan tapak tangannya tanpa berlapik, maka sesungguhnya ia wajib berwudu'.

(Al-Tabraniy. 1415H. 2: 237. Al-Daraqutniy. 1386H/ 1966M. 1: 147. Ibn Hibban. 1408H. 3: 401)

Perkataan “أفضى” dalam dua hadith diatas ditafsirkan oleh Ibn Fars sebagai menyentuh dengan tapak tangan. (Ali al-Muqriy. T.th. 131)

Semua hadith-hadith diatas dinilai sahih oleh al-Shaikh al-Albaniy. (Lihat al-Albaniy. Sahih Abi Daud. 1423H/ 2002M. 1: 327. Silsilah al-Sahihah. 1415H/ 1995M. 3: 237 dan 3: 309. Irwa' al-Ghalil. 1405H/ 1985M. 1: 150)

Kedua: Tidak membatalkan wudu' kerana menyentuh kemaluan, iaitu:

عَنْ قَيْسِ بْنِ طَلْقٍ أَبْنَى عَلَى نَبِيِّ الْمُحَمَّدِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَجَاءَ رَجُلٌ كَانَهُ
بَدْوِيٌّ فَقَالَ: يَا نَبِيَّ اللَّهِ! مَا تَرَى فِي مَسِ الْرَّجُلِ ذَكْرَهُ بَعْدَ مَا يَتَوَضَّأُ؟ فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هُلْ هُوَ إِلَّا
مَضْعَةٌ مِنْهُ؟ أَوْ بَضْعَةٌ مِنْهُ؟

Maksudnya: Daripada Qais bin Talq bin 'Ali iaitu al-Hanafi daripada ayahnya, ia menceritakan: Kami datang kepada Rasulullah SAW, lalu datang seorang lelaki seolah-olah Badawi dan berkata: Wahai Nabi Allah! Apa pendapat kamu tentang seseorang yang menyentuh kemaluannya selepas ia berwudu'? Maka jawab Nabi SAW: Adakah tidak kemaluannya itu hanyalah sebahagian anggotanya sahaja?

(Al-Tirmidhi. 1410H/ 1990M. 1: 231. Abu Daud. 1410H/ 1990M. 1: 215)

Hadith ini menjelaskan bahawa kemaluan menyamai anggota-anggota lain seperti tangan, kaki, jari dan lain-lain. Seandainya angota-anggota tersebut tidak membatalkan wudu' jika disentuh, begitulah juga dengan kemaluan.

Hadith ini dinilai sahih oleh al-Albaniy didalam *Sahih wa Da'if Sunan al-Tirmidhi*. (Al-Albaniy. 1: 85)

Takhrij Hadith

Hadith Busrah diriwayatkan oleh Imam Malik dalam Muwatta', al-Imam al-Shaff'i, al-Imam Ahmad bin Hanbal, Ashab al-Sunan, Ibn Khuzaimah, Ibn Hibban, al-Hakim, Ibn al-Jarud. Ia dinilai Sahih oleh al-Tirmidhi. Dinukilkhan daripada Imam al-Bukhariy bahawa hadith ini merupakan hadith yang paling sahih dalam bab ini. Abu Dawud meriwayatkan bahawa beliau pernah berkata kepada Imam Ahmad bahawa hadith Busrah ini tidak Sahih. Imam Ahmad menjawab: Hadith ini Sahih. Al-Imam al-Daraqutniy menjelaskan bahawa hadith ini Sahih dan Thabit. Ia juga dinilai sahih oleh Yahya Ibn Ma'in seperti yang diceritakan oleh Ibn 'Abd al-Bar, Abu Hamid al-Sharqiyy, al-Baihaqiy dan al-Hazimiy. Al-Imam al-Baihaqiy menjelaskan: Walaupun hadith ini tidak diriwayatkan oleh Bukhariy dan Muslim kerana kesamaran samada 'Urwah mendengar hadith ini daripada Busrah atau tidak, namun kedua-dua Imam ini berhujah dengan segala periwayatannya ('Urwah). (Shams al-Haq Abadiy. 1410H/1990M. 1: 212)

Al-Imam Ibn Hajar al-'Asqalaniy menjelaskan: Hadith yang berkaitan masalah ini diriwayatkan juga oleh Jabir, Abu Hurairah, 'Abdullah bin 'Amr, Zaid bin Khalid, Sa'd bin Abi Waqqas, Umm Habibah, 'Aishah, Umm Salamah, Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar, Talq bin 'Ali, Nu'man bin Bashir, Anas, Ubay bin Ka'b, Mu'awiyah bin Haidah, Qubaiyah dan Arwa binti Unais. (Al-'Asqalaniy. 1419H/ 1989M. 1: 342)

Terdapat kontra antara hadith yang diriwayatkan oleh Busrah binti Safwan dan hadith Talq bin 'Ali. Hadith Busrah menegaskan bahawa menyentuh kemaluan membatalkan wudu'. Manakala hadith Talq menjelaskan sebaliknya.

Antara sahabat yang berpendapat batal wudu' bagi mereka yang menyentuh kemaluan ialah; 'Umar al-Khattab, anaknya 'Abdullah, Abu Ayyub al-Ansariy, Zaid bin Khalid, Abu

Huraiyah, ^cAbdullah bin ^cAmr al-^cAs, Jabi bin ^cAbdullah, ^cAishah binti Abu Bakr, Umm Habibah, Busrah binti Safwan, Sa^cd bin Abi Waqqas dalam salah satu riwayat, Ibn ^cAbbas dalam salah satu riwayat, ^cUrwah bin al-Zubayr. Manakala tabicin yang berpendapat demikian ialah; Sulaiman bin Yasar, ^cAta' bin Abi Rabah, Abban bin ^cUthman, Jabir bin Zaid, al-Zuhriy, Mas^cab bin Sa^cd, Yahya bin Abi Kathir, Sa^cid bin al-Musayyib menurut yang paling sahih daripada dua riwayat, Hisham bin ^cUrwah, al-Auza^ciy, Ulama-ulama Sham, al-Shafi'i, Ahmad bin Hanbal, Ishaq bin Rahawayh dan pendapat yang masyhur daripada Imam Malik bin Anas. (Shams al-Haq Ābādiy. 1410H/ 1990M. 1: 211) Hujah mereka ialah hadith Busrah binti Safwan.

Antara mereka yang berpendapat tidak batal wudu' ialah; ^cAli bin Abi Talib, ^cAmmar bin Yasir, ^cAbdullah bin Mas^cud, ^cAbdullah bin ^cAbbas, Hudhaifah bin al-Yaman, cImran bin Husain, Abu al-Darda', Sa^cd bin Abi Waqqas dalam salah satu riwayat, Sa^cid bin Jubayr, Ibrahim al-Nakha'i, Rabi^cah bin ^cAbd al-Rahman, Sufyan bin Za'idah, Sufyan al-Thauriy, Imam Abu Hanifah dan pengikut-pengikutnya, Yahya Ibn Ma'in dan Ahl al-Kufah. Mereka berhujah dengan hadith Ṭalq ibn ^cAli diatas. Ibn al-Hammam menjelaskan bahawa hadith Ṭalq ibn ^cAli lebih rajih kerana ia diriwayatkan oleh perawi lelaki. Hujah ini ditolak kerana Busrah tidak keseorangan dalam meriwayatkan hadith ini, bahkan hadith ini diriwayatkan oleh sejumlah yang ramai dikalangan sahabat antaranya Abu Hurairah, ^cAbdullah bin ^cAmr, Jabir bin ^cAbdullah, Zaid bin Khalid, Sa^cd bin Abi Waqqas, Ibn ^cAbbas, ^cAbdullah bin ^cAmr dan lain-lain. Kesemua riwayat mereka adalah sahih. Sebahagian daripada mereka yang mentarjihkan hadith Ṭalq ibn ^cAli menjawab; Hadith Ṭalq ibn ^cAli adalah lebih teguh daripada hadith Busrah. Al-Ṭahāwi menyandarkan kepada Ibn al-Madiniy bahawa beliau berkata; Hadith Mulazim bin ^cAmr adalah lebih baik daripada hadith Busrah. ^cAmr bin ^cAli al-Fallasiy menegaskan; "Menurut kami, hadith Ṭalq ibn ^cAli adalah lebih kukuh". Secara zahirnya, hadith Busrah lebih kukuh, kuat dan rajih. Al-Imam al-Baihaqiy berkata: Secara mudahnya, hadith Ṭalq ibn ^cAli tidak diriwayatkan oleh Shaikhain (Bukhariy dan Muslim) dan mereka berdua tidak berhujah dengan hadithnya, sedangkan hadith Busrah dijadikan hujah oleh al-Bukhariy dan Muslim. Ini menunjukkan bahawa hadith Busrah lebih diutamakan. (Al-Mubarafuriy. 1410H/ 1990M. 1: 232)

Ada antara mereka mendakwa hadith Ṭalq ibn ^cAli dinasakhkan oleh hadith Busrah memandangkan Busrah memeluk islam kemudian daripada Ṭalq ibn ^cAli. Namun alasan ini tidak boleh dijadikan kaedah pemansukan hadith menurut ulama usul. (Al-Shaukaniy. 1421H/ 2000M. 171).

Al-Amir al-Šan^caniy menegaskan dalam kitabnya *Subul al-Salam*: Hadith Busrah lebih rajih memandangkan ramai ulama mentashihnya dan terdapat banyak *shawahid* yang menyokongnya. Sebahagian ulama al-Hanafiyyah mengakui tentang perkara ini. Mereka menegaskan; Jika seseorang mencari jalan penyelesaian, hadith yang menghukum batal wudu' bagi orang yang menyentuh kemaluan adalah lebih kuat. (Al-Šan^caniy. 1407H/ 1987M. 1: 140)

Pentarjihan

Hadith-hadith yang telah dikemukakan, samada membatalkan wudu' atau tidak adalah merupakan nas yang *muhkam* (tidak dinasakhkan hukumnya). Oleh itu, kedua-dua nas tersebut wajib disatukan (*Taufiq*) dan diamalkan. Dalam hal ini, pentarjihan yang dilakukan oleh Shaikh al-Islam Ibn al-Taimiyah dan Shaikh al-Albaniy amat bersesuaian untuk menyelesaikan masalah ini. Al-Albaniy menyebut didalam kitab "*Tamam al-Minnah*" seperti yang dinukilkkan daripada Imam Ibn al-Taimiyah, bahawa maksud sabda Nabi SAW; "ia (kemaluan) hanyalah sebahagian anggota kamu" merupakan isyarat yang sangat halus menunjukkan bahawa sentuhan yang tidak

membatalkan wudu' adalah sentuhan tanpa shahwat. Berbeza pula hukumnya jika disentuh dengan shahwat, ia membatalkan wudu'. (Al-Albaniy. 1409H. 103)

Ulama-ulama al-Shafi'iyyah menetapkan, sentuhan yang membatalkan wudu' adalah apabila disentuh dengan tapak tangan. Seandainya sentuhan dilakukan dengan belakang tapak tangan, ianya tidak membatalkan wudu'. Ulama-ulama Muhaqqiqun menolak pandangan tersebut dengan mengatakan maksud "Ifda" dalam hadith diatas ialah "sampai", ianya berbentuk umum sama ada dengan tapak tangan atau belakang tapak tangan. Ibn Hazm menjelaskan: Pendapat al-Shafi'iyyah tersebut tidak bersandarkan dalil samada daripada kitab, al-Sunnah, Ijma', Qiyas, pendapat ulama atau mana-mana pendapat yang sahih. (Al-Şan'aniy. 1407H/ 1987M. 1: 140) Oleh itu, menyentuh kemaluan samada dengan tapak tangan atau belakang tapak tangan dengan shahwat adalah membatalkan wudu'.

Contoh kedua:

Antara contohnya lagi ialah hukum menghadap qiblat ketika qada hajat. Terdapat dua hadith yang bertentangan dalam masalah ini, pertama hadith yang melarang daripada menghadap dan membelakangkan qiblat ketika qada hajat iaitu:

عن أبي أويوب الانصاري -رضي الله عنه- مرفوعاً: "إِذَا أَتَيْشُ الْعَائِطَ، فَلَا تَسْتَقِلُوا بِالْقِبْلَةِ بِعَائِطٍ وَلَا بَوْلَ، وَلَا
تَسْتَدِيرُوهَا، وَلَكُنْ شَرِيقُوا أَوْ عَرِيبُوا". قال أبو أويوب: «فَعِدْنَا مَرَاحِيسَنَ قَدْ نَبَيَّتْ حَوْلَ الْكَعْبَةِ،
فَنَتَحَرِّفُ عَنْهَا، وَنَسْغَفِرُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya: Daripada Abi Ayyub al-Ansariy r.a secara marfu': Apabila kamu memasuki tandas, maka janganlah menghadap kiblat atau membelakangkannya ketika membuang air kecil atau air besar, tetapi hendaklah menghadap ke timur atau barat. Abu Ayyub berkata: Kami berada di Syam, kami mendapati tandas dibina menghadap ka'bah, lalu kamu berpaling daripadanya dan kami memohon keampunan daripada Allah SWT.

(Al-Bukhariy. 1407H/ 1986M. 1: 295: 144, Muslim. 1421H/ 2000M. 126: 266)

Kedua: Hadith yang mengharuskan menghadap dan membelakangkannya iaitu:

عن عبد الله بن عمر -رضي الله عنهما- قال: رأيت يوماً على بيت حفصة، فرأيت النبي -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَقْضِي حاجته مُسْتَدِيرَ الشَّامَ، مُسْتَقِيلَ الْكَعْبَةِ. وفي رواية: مُسْتَقِيلًا بَيْتَ الْمَقْدِسِ

Maksudnya: Daripada cAbdullah ibn 'Umar r.a berkata: Suatu hari aku memanjat ke atas rumah Hafṣah, aku ternampak Nabi SAW sedang qada hajat dalam keadaan menghadap ke Syam membelakangkan ka'bah. Dala satu riwayat: menghadap Baitul Maqdis.

(Al-Bukhariy. 1407H/ 1989M. 1: 297: 145, Muslim. 1421H/ 2000M. 126: 267)

Dua hadith di atas terdapat percanggahan. Hadith pertama menunjukkan haram menghadap qiblat atau membelakangkannya ketika qada hajat manakala hadith kedua pula menunjukkan harus kerana Rasulullah SAW melakukan demikian.

Ulama berselisih pendapat tentang larangan menghadap dan membelakangkan qiblat ketika qada hajat, adakah larangan tersebut membawa kepada haram atau tidak. Pendapat pertama menyatakan larangan tersebut adalah makruh tanzih samada di dalam bangunan atau di tempat lapang. Hadith larangan tersebut diandaikan tidak membawa kepada haram dengan qarinah hadith Jabir:

رأيته قبل موته بعام مستقبل القبلة

Maksudnya: Aku melihat Baginda setahun sebelum wafat menghadap qiblat.

(Abu Dawud. 1437H/ 2016M. 15: 13. Al-Tirmidhiy. 1435H/ 2015M. 13: 8)

Pendapat kedua mengharamkan berdasarkan zahir hadith tegahan. Adapun hadith yang dijadikan sebagai qarinah yang menghukumnya sebagai makruh tanzih boleh diandaikan maksudnya kerana keuzuran dan ia juga sebagai hikayat tentang perbuatan yang tidak membawa maksud umum. Pendapat ketiga mengharuskan dan mereka berkata: Hadith larangan telah dinasakhkan oleh hadith yang mengharuskan kerana hadith tersebut mengaitkan beberapa tahun sebelum wafat. Pendapat keempat mengharamkannya di kawasan lapang sementara mereka mengharuskannya di dalam bangunan. Hadith yang mengharuskan mentakhsiskan keumuman hadith tegahan. Lihat al-Šāfi‘ī. 1407H/ 1987M, 1: 162)

Berdasarkan pendapat-pendapat yang dikemukakan di atas, pendapat keempat merupakan cara terbaik dalam mentaufiqkan antara dua hadith bertentangan dalam bab ini. Pendapat ini memberi ruang untuk diamalkan kedua-dua hadith ini.

PENUTUP

Mukhtalif al-Hadith sememangnya memberi impak terhadap hukum fiqh. Para mujtahid mempunyai ijtihad yang tersendiri bagi menyelesaikan isu ini. Ijtihad mereka bukan dilakukan secara rambang tanpa asas, tetapi berjalan di atas landasan dan kaedah yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama usul al-fiqh. Setiap pandangan yang berbeza daripada mujtahid dalam masalah *Mukhtalif al-Hadith* perlu diberi perhatian. Sikap tidak mahu mengambil tahu pandangan-pandangan mujtahid yang bukan daripada mazhab anutan menyebabkan seseorang itu terkadang menolak pandangan yang rajih dan mempunyai dalil yang kuat daripada al-Qur'an dan Sunnah. Sikap begini boleh mendorong kepada penolakan terhadap al-Qur'an dan hadith yang sahih daripada Nabi s.a.w tanpa disedari. Umat Islam perlu berlapang dada terhadap perbezaan pendapat dalam masalah furū'. Sahabat-sahabat Nabi s.a.w juga mempunyai ijtihad yang berbeza dalam menangani isu *Mukhtalif al-Hadith* ketika hayat Rasulullah SAW Ini menunjukkan bahawa perbezaan pendapat sememangnya akan wujud pada setiap masa dan zaman. Menyalahkan ijtihad orang lain merupakan satu kejahanan kerana dalam *Qawa'id al-Fiqhiyyah* menjelaskan:

الإجتہاد لَا ينقض بالإجتہاد

Yang bermaksud: "Ijtihad tidak terbatal dengan ijtihad". Pintu ijtihad sentiasa terbuka buat umat Islam hingga ke hari qiamat.

(Al-Suyuti. T.th. 71)

RUJUKAN

- Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Cet 12 .1995. Bahagian Hal Ihwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Abd al-Majid Muhammad Ismacil al-Susut. 1418H/ 1997M. *Manhaj al-Taufiq wa al-Tarjih baina Mukhtalif al- Hadith wa Atharuh fi al-Fiqh al-Islamiy*.
- Abu Daud. Sulaiman bin al-Ashcath bin Ishaq bin Bashir bin Shaddad bin 'Amr al-Azdiy al-Sijistaniy. Sunan. 1410H/ 1990M. *Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah*, Beirut – Lubnan.
- Al-'Asqalaniy. Ahmad bin 'Aliy bin Muhammad bin Ahmad bin Hajar. *Al-Talkhis al-Habir fi Takhrij Ahadith al-Raff al-Kabir*. Ctk-1. 1419H/ 1989M. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-'Asqalaniy. Ahmad bin 'Aliy bin Muhammad bin Ahmad bin Hajar. 1427H/ 2006M. *Nukhbah al-Fikr fi Muṣṭalah Ahl al-Athar*. Cet-1. Dār Ibn Ḥazm.
- Al-Baihaqiy. Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin 'Aliy. 1344h. *Al-Sunan al-Kubra*. Majlis Da'irah al-Ma'rif al-Nizamiyyah al-Ka'inah – al-Hind.

- Al-Baihaqiy. Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn. 1344H. *Sunan al-Kubra*. Majlis Da'irah al-Ma'arif al-Nizamiyyah al-Ka'inah al-Hind.
- Al-Bukhariy. Muhammad bin Isma'il. 1407H/1989M. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dār al-Rayyān li al-Turath.
- Al-Daraqutniy. Ḥāfiẓ bin Ḥimān Abu al-Hasan. 1386H/1966M. *Sunan*. Tahqiq: Al-Sayyid Ḥabibullah Hashim Yamanī al-Madaniy. Dar al-Ma'rifah – Bairut.
- Al-Fairūz Ābādiy. Muḥammad bin Ya'qūb Majd al-Dīn. 1426H/2005M. *Al-Qāmūs al-Muhiṭ*. Cet-8. Muassasah al-Risalah.
- Al-Hakim. Muhammad bin Ḥabibullah Abu Ḥabib al-Hakim al-Naisaburiy. 1411H/1990M. *Al-Mustadrak ʻala al-Sahīhayn*. Cet-1. Tahqiq: Mustafa Ḥabib al-Qadir Ḥāfiẓ. Dar al-Kutub al-ʻIlmiyyah – Bairut.
- Ibn Hibban. Muhammad bin Hibban bin Ahmad bin Hibban bin Mu'adh bin Ma'bad al-Tamimiyy. 1408H. *Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Balban*. Tahqiq: Shu'aib al-Arnaut. Muassasah al-Risalah.
- Ibrahim Abu Shadiy. 1428H/ 2007M. *Al-Ikhtiyarat al-Fiqhiyyah li al-Imam al-Albaniy*. Dar al-Ghad al-Jadid.
- Ibn al-Hammam. Muḥammad bin Ḥabib al-Wahid al-Siwasī. 1424H/2003M. *Sharḥ Fath al-Qadir ʻala al-Hidayah Sharḥ Bidayah al-Mubtadiy*. Cet-1. Dar al-Kutub al-ʻIlmiyyah. Beirut Lubnan.
- Al-ʻIraqiy. Zain al-Din Ḥabib al-Rahīm. 1401H/1981M. *Al-Taqyid wa al-Idāh Sharḥ Muqaddimah Ibn al-Salāh*. Cet-1. Dar al-Fikr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Khaṭīb al-Baghdadiy. Ahmad bin Ḥāfiẓ al-Ṭabarī. 1357H. *Al-Kifayah fi nūr Uluum al-Riwayah*. Dāirah al-Ma'arif al-Uthmaniyyah.
- Al-Mubarakfuriy. Abu al-Ula Muhammad Ḥabib al-Rahman bin Ḥabib al-Rahim. 1401H/1990M. *Tuhfat al-Ahwadhi bi Sharḥ Jamīʻ al-Tirmidhi*. Dar al-Kutub al-ʻIlmiyyah, Beirut-Lubnan.
- Al-Muqrīy. Ahmad bin Muhammad Ḥāfiẓ al-Muqrīy al-Fayyumiyy. T.th. *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Sharḥ al-Kabīr li al-Raffī*. Mustafa al-Babīy al-Halabīy wa Auladīh bi Misr Muslim. Abu al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qusyairī al-Naisābūriy. 1421H/2000M. *Ṣaḥīḥ*. Cet-2. Dār al-Salam li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Sanāniy. Muhammad bin Isma'il al-Amir al-Yamanī. 1408H/1987M. *Subul al-Salam Sharḥ Bulugh al-Maram min Jamīʻi Adillah al-Ahkam*. Cet-4. Tahqiq: Fawwaz Ahmad Zamārīy dan Ibrahim Muhammad al-Jamāl. Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Shah Waliy al-Dahlawi. 1426H/2005M. *Hujjah Allah al-Balighah*. Dar al-Jail.
- Al-Suyuṭiy. Jalal al-Din Ḥabib al-Rahman bin Abu Bakr. T.th. *Al-Ashbah wa al-Naṣa'ir fi al-Furū'*. Dar al-Fikr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Suyuṭiy. Jalal al-Din Ḥabib al-Rahman bin Abu Bakr. 1399H/1979M. *Tadrib al-Rawiy fi Sharḥ Taqrib al-Nawawiy*. Cet-2. Dār al-Kutub al-ʻIlmiyyah. Beirut Lubnan.
- Al-Ṭabarīy. Abu Ja'far Muḥammad bin Jarīr. 1405H/1984M. *Jāmīʻ al-Bayan ʻan Ta'wil Āyi al-Qur'an*. Dār al-Fikr.
- Al-Tabrāniy. Abu al-Qasim Sulaiman bin Ahmad. 1415H. *Mu'jam al-Ausat*. Tahqiq: Tariq bin Iwād Allah bin Muhammād & Ḥabib al-Muhsin bin Ibrahim al-Husainī. Dar al-Haramayn - al-Qahirah.